



SYARAT-SYARAT LESEN PASAR MINI / PASAR SWASTA

1. SYARAT-SYARAT AM LESEN

- 1.1. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat
- 1.2. Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran Majlis.
- 1.3. Dilarang membina sebarang tambahan atau sebarang struktur sambungan bangunan di luar premis sama ada secara kekal atau sementara kecuali telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu.

2. KESELAMATAN

- 2.1. Mengadakan peti rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
- 2.2. Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan diperbaharui bila perlu.
- 2.3. Pencahayaan dan pengudaraan hendaklah mencukupi di dalam premis.
- 2.4. Stor dan tangga serta pintu kecemasan hendaklah diselenggara dengan baik.

3. KEBERSIHAN DAN SUSUN ATUR

- 3.1. Mempamerkan papan tanda "**Dilarang Merokok**" dan "**Menjaga Kebersihan**".
- 3.2. Seluruh premis di kawasan dalam dan luar hendaklah sentiasa bersih, berkeadaan baik serta bebas daripada pembikanan Lipas, Lalat dan Tikus (LILATI).
- 3.3. Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa baik dan bersih.
- 3.4. Barang-barang makanan yang tidak dibungkus hendaklah dilindungi dari kekotoran dan serangga.
- 3.5. Menyediakan meja / almari 'stainless steel' atau dilepa dengan jubin untuk pameran ikan / sayur / sebarang makanan segar dan di lengkapi dengan freezer yang mencukupi.

LAMPIRAN 1

- 3.6. Hendaklah mengadakan kawasan yang berasingan serta tertentu bagi tujuan penyimpanan dan pameran barang-barang.
- 3.7. Premis hendaklah mempunyai tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi.
- 3.8. Penggunaan karung plastik untuk mengumpul sampah adalah diwajibkan sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

4. LARANGAN

- 4.1. Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran Majlis.
- 4.2. Dilarang membuat sebarang kerja atau meletakkan barang-barang di atas kawasan awam seperti di kaki lima, tempat letak kereta, lorong, jalan, siarkaki, longkang dan pintu keluar/masuk.
- 4.3. Pemeliharaan sebarang binatang samada untuk perniagaan atau peliharaan adalah dilarang di dalam dan luar premis perniagaan.
- 4.4. Dilarang membina sebarang tambahan atau sebarang struktur sambungan bangunan di luar premis sama ada secara kekal atau sementara kecuali telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis terlebih dahulu.
- 4.5. Dilarang menyimpan/mempamer barang-barang di atas lantai.
- 4.6. Dilarang memproses makanan segar / menjalankan kerja-kerja memarut kelapa di luar premis.
- 4.7. Dilarang membuat sebarang kerja atau meletakkan barang-barang di atas kawasan awam seperti di kaki lima, tempat letak kereta, lorong, jalan, siarkaki, longkang dan pintu keluar/masuk kecuali dengan kebenaran Majlis.

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran
Majlis Daerah Kuala Langat